



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 18 (30 APRIL – 06 MEI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-18 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,956 kes berbanding 1,775 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 181 kes (10.2%). Dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-18 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 38,933 kes berbanding 13,650 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 25,283 (185.2%). Manakala sejumlah 24 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding tujuh (7) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Sebanyak 87 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 103 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 49 lokaliti berada di Negeri Selangor, 19 lokaliti di Pulau Pinang, tujuh (7) lokaliti di Sabah, lima (5) lokaliti di WPKL & Putrajaya, masing-masing tiga (3) lokaliti di Kedah serta Perak dan satu (1) lokaliti di Johor.

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak tiga (3) kes pada minggu ke-18 dengan masing-masing satu (1) kes dari Kedah, Melaka dan Johor. Jumlah


kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 127 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,029 sampel darah dan 41 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Cuaca panas yang berselang-seli dengan hujan berpotensi menyumbang peningkatan populasi nyamuk *Aedes* di persekitaran. Kitaran hidup nyamuk dari fasa telur sehingga dewasa akan menjadi lebih pendek. Selain itu, nyamuk *Aedes* betina akan menggigit dengan lebih kerap semasa musim panas bagi penghasilan telur dan darah merupakan sumber protein yang diperlukan bagi proses tersebut. Pergerakan masyarakat semasa cuti perayaan juga meningkatkan risiko jangkitan denggi kerana virus denggi dipindahkan secara gigitan nyamuk ke individu lain setelah nyamuk tersebut menggigit pesakit denggi yang tidak bergejala.

Semua pihak perlu bekerjasama bagi menjaga kebersihan persekitaran serta dalam langkah pencegahan gigitan nyamuk *Aedes*. Aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit seminggu efektif untuk mengekalkan kawasan premis bebas nyamuk *Aedes*. Amalkan tabiat membuang sampah di tempat yang telah ditentukan. Lakukan semburan aerosol sebelum memulakan persekolahan setelah tamat cuti sekolah. Semburan aerosol disasarkan di tempat yang tersembunyi dan gelap contohnya langsir, belakang pintu, bawah meja dan belakang almari. Galakkan pelajar sekolah menggunakan bahan repelan pada anggota badan yang terdedah bagi mencegah gigitan nyamuk. Pencegahan lebih mudah daripada mengubati. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
11 Mei 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-18 dan ke-17 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-18 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-18 tahun 2023